


BILANGAN 07 MERASA



Salina **merasa** sungguh sedih sejak ditinggalkan suaminya kerana terbukti kasih sayang suaminya tidak kekal dan segera hilang apabila berjumpa dengan perempuan yang lebih cantik.

Petikan ini diambil daripada naskhah soalan peribahasa sebuah sekolah menengah setempat.

Oleh sebab “sedih” kata adjektif perasaan, maka kekata merasa di hadapannya dikatakan rancu. Apatah lagi apabila penggunaannya salah.

Merasa ialah kata kerja transitif yang selalunya diikuti oleh objek (kata nama). Ayat contoh:

- 01 Saya **merasa** nasi lemak Changi itu.
- 02 Dia **merasa** air cendol yang dibuat ibu saya.
- 03 Setelah **merasa** lauk kari itu, ibu membubuh gula.

Kekata 'sedih' bukanlah kata nama atau berfungsi sebagai objek. Jadi ayat tersebut seharusnya ditulis:

- 04 Salina **berasa** sungguh sedih

Seperti yang dikatakan tadi, sedih merupakan kata adjektif perasaan. Penggunaan 'berasa' juga dikatakan berlebihan. Cukuplah sekadar;

- 05 Salina sungguh sedih.....

Begitu juga dengan ayat berikut:

- 06 Azlina (berasa) malu setelah ditegur emuda itu.
- 07 Saya (berasa) sayang akan anak-anak saya.
- 08 Kami semua (berasa) benci kepada pemuda yang sombang itu.

Kecuali, kalau anda hendak membina ayat yang mengandungi frasa kerja (tak transitif berpelengkap)

| | subjek | frasa kerja | unsur keterangan |
|----|--------|--------------|----------------------|
| 09 | Saya | berasa sedih | akan kematiannya. |
| 10 | Dia | berasa sunyi | setelah pemergiannya |
| 11 | Kami | berasa rindu | kepada ibu |